

**MOSTI/NND/100-2/6 Jld.19(23)**
11 JUN 2014**SEPERTI SENARAI EDARAN**

YBrs. Prof. Dr./ Dr.,

JEMPUTAN SEBAGAI FASILITATOR KE BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN HALA TUJU GRAPHENE KEBANGSAAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut seperti di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Direktorat Nanoteknologi Kebangsaan (NND) akan menganjurkan Bengkel Pembangunan Pelan Hala Tuju *Graphene* Kebangsaan. Program ini akan diadakan selama tiga hari dan akan memberi tumpuan kepada perancangan untuk pembangunan *graphene* di Malaysia. Butiran program adalah seperti berikut :

Tarikh : 17 – 19 Jun 2014
Tempat : A' Famosa Resort, Melaka
Masa : 8.30 pagi – 5.30 petang

3. Objektif program ini adalah seperti berikut :

- i. membangunkan Pelan Hala Tuju bidang *graphene* dan menyediakan pelan pelaksanaan ke arah mencapai sasarannya;
- ii. merangka pendekatan dalam mengukuhkan aktiviti R&D berkaitan *graphene*, pembangunan modal insan dan pelaksanaannya;
- iii. mengenal pasti bidang penyelidikan *graphene* yang perlu diberi keutamaan; permasalahan utama dan merangka strategi bagi menanganinya;
- iv. merangka strategi pengkomersialan produk berasaskan *graphene* bagi merebut peluang pasaran global pada masa kini dan akan datang; dan
- v. mewujudkan kerjasama dan rangkaian di kalangan pelbagai universiti, institut dan industri di Malaysia terutamanya dalam bidang *graphene*.

4. Untuk makluman YBrs. Prof. Dr./ Dr. juga, pembangunan Pelan Hala Tuju ini adalah amat penting supaya bidang tersebut mendapat tempat dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Sehubungan itu, NND berbesar hati untuk melantik YBrs. Prof. Dr./

Dr. sebagai Fasilitator program tersebut. Pelantikan ini dibuat berdasarkan kepada keahlian YBrs. Prof. Dr./ Dr. dalam Konsortia Penyelidikan Graphene. Pihak NND akan menyediakan kit seminar, makan dan minum serta penginapan kepada YBrs. Prof. Dr./ Dr. sepanjang program tersebut dijalankan. Walau bagaimanapun, segala kos pengangkutan adalah di bawah tanggungan YBrs. Prof. Dr./ Dr.

5. YBrs. Prof. Dr./ Dr. dipohon untuk mengemukakan Borang Maklum Balas Kehadiran seperti di **LAMPIRAN 1** kepada En. A.Mulia Hafizayatullah Amiruddin melalui emel amulia@mosti.gov.my selewat-lewatnya pada 16 Jun 2014 (Isnin). Turut disertakan bersama surat ini adalah Tentatif Program seperti di **LAMPIRAN 2**.

6. Perhatian dan kerjasama YBrs. Prof. Dr./ Dr. terhadap perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
SAINS DAN INOVASI PEMACU TRANSFORMASI

Saya yang menurut perintah,



(DR. ABDUL KADIR MASROM)

Setiausaha Bahagian
Direktorat Nanoteknologi Kebangsaan
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

SENARAI EDARAN

1. **YBRS. PROF. DR. ABDUL RAHMAN BIN MOHAMED**
Pengarah
Centre of Engineering Excellence
Universiti Sains Malaysia
Aras LG, Block C
10, Persiaran Bukit Jambul
11900 Bayan Lepas
PULAU PINANG

2. **YBRS. DR. SURIANI ABU BAKAR**
Pensyarah Kanan
Jabatan Fizik, FSM
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900, Tanjung Malim
PERAK

3. **YBRS. DR. TENG WANG DUNG**
Penyelidik Kanan
SIRIM Berhad
No.1, Persiaran Dato' Menteri
Seksyen 2, P.O.Box 7035
40700 Shah Alam
SELANGOR

4. **YBRS. DR. LEE HING WAH**
Penyelidik Kanan
MEMS/NEMS/BioMEMS Nanotechnology
MIMOS Berhad
Technology Park Malaysia, 57000
KUALA LUMPUR

5. **YBRS. DR. CHAI SIANG PIAO**
Pensyarah Kanan
Room 5-5-35 Level 5 Building 5
School of Engineering
Monash University Sunway Campus
Jalan Lagoon Selatan, Bandar Sunway